

IBU PEJABAT JPS MALAYSIA

**Tambahan Pertama Kepada
Surat Pekeliling JPS. UB. 2/94**

FORMAT MUKA HADAPAN DAN PEMBERIAN
NOMBOR KEPADA DOKUMEN TENDER/KONTRAK

1.0 **TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memperkemaskan serta menyeragamkan tatacara pengiraan amaun denda gantirugi tertentu dan ditetapkan yang dinyatakan dalam dokumen tender.

2.0 **PEMBERIAN NOMBOR TENDER/KONTRAK**

2.1 **Garispanduan Sediaada**

Umumnya garispanduan pemberian nombor tender/kontrak seperti yang telah dijelaskan di para 3.6 dan 3.7 m.s. 2 dan 3 dalam Surat Pekeliling yang lalu adalah seperti berikut:

- a. Bagi tender yang disediakan dan dipanggil di JPS Negeri/Pejabat Projek, nombor hendaklah diperolehi/disimpan oleh pejabat JPS Negeri/Jurutera Projek berkenaan.
- b. Bagi tender yang disediakan dan dipanggil oleh Bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JPS, nombor hendaklah diperolehi/disimpan oleh Bahagian Ukur Bahan,Ibu Pejabat.

Kekeliruan telah timbul bagi situasi-situasi yang tidak termasuk di dalam mana-mana kategori di atas, contohnya bagi tender yang disediakan oleh Ibu Pejabat tetapi tawaran dipanggil di JPS Negeri, pegawai tidak pasti samada untuk menggunakan nombor Ibu Pejabat ataupun nombor JPS Negeri.

2.2 **Garispanduan Baru**

Untuk mengelakkan kekeliruan, garispanduan berikut hendaklah digunakan:

a. **Tender Yang Menggunakan Nombor Ibu Pejabat**

Semua tender yang disediakan dan dipanggil/dijual di Ibu Pejabat, nombor hendaklah diperolehi/disimpan di Bahagian Ukur Bahan, Ibu Pejabat.

b. Tender Yang Menggunakan Nombor JPS Negeri

Semua tender yang dipanggil/dijual di JPS Negeri samada disediakan oleh Ibu Pejabat/Negeri/Perunding, nombor hendaklah diperolehi/disimpan di Pejabat JPS Negeri.

c. Tender Yang Menggunakan Nombor Projek

Semua tender bagi Projek hendaklah menggunakan nombor Projek walaupun jualan dibuat di Ibu Pejabat. Walaubagaimanapun, sekiranya Pejabat Jurutera Projek belum lagi wujud, nombor hendaklah diperolehi/disimpan di Bahagian Ukur Bahan, Ibu Pejabat dengan menggunakan kod projek. Amalan ini hendaklah berterusan sehingga Pejabat Jurutera Projek bagi projek berkenaan diwujudkan.

3.0 NOMBOR TENDER/KONTRAK SERTA KOD YANG TELAH DIKEMASKINIKAN

- 3.1 Nombor tender/kontrak serta kod sediaada telah dikemaskinikan dengan menambah kod-kod bagi Bahagian-bahagian yang tidak termasuk di dalam senarai sediaada dan juga mengambil kira perubahan-perubahan organisasi yang berlaku. Ianya juga telah mengambil kira cadangan-cadangan yang diterima dari pejabat-pejabat JPS Negeri.
- 3.2 Nombor tender/kontrak cadangan serta kod-kod yang telah di kemaskinikan adalah seperti di Lampiran 'A' dan 'A1'. Senarai kod baru ini menggantikan senarai kod sediaada seperti di Lampiran 'B' dan 'B1' di Surat Pekeliling JPS.UB.2/1994 yang dengan ini dibatalkan.

4.0 PEMAKAIAN SISTEM INI BAGI SEBUTHARGA

- 4.1 Sistem pemberian nombor tender ini boleh digunapakai bagi tawaran-tawaran yang di keluarkan secara Sebutharga. Walaubagaimanapun singkatan 'SH' hendaklah dimasukkan selepas JPS untuk menunjukkan yang ia dikeluarkan secara Sebutharga. Contohnya nombor sebutharga ketiga yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancang & Penilaian, Ibu Pejabat dalam tahun 1994 adalah JPS(SH)/IP/PP/3/94. Walaubagaimanapun rekod bilangan sebutharga ini hendaklah diasingkan daripada rekod bilangan tender.

5.0 **KUATKUASA**

5.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta bagi tender-tender baru yang akan dipelawa.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Tema Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1994

PERANAN PELADANG,PENTERNAK & NELAYAN SEBAGAI PENGELUAR & PENGGUNA

Saya yang menurut perintah,

(IR. FERNG MEOW CHONG)
Timbalan Ketua Pengarah 1,
b/p: Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

Tarikh: Sept. 1994

s/k: Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

FAS/HS/sp294tam.wp/diskSPJPS/sept94

CATATAN KEPADA LAMPIRAN `A' DAN `AI'

1. Kod Bahagian(*)

Saliran	-	S
Pengairan	-	P
Sungai	-	SG
Pantai	-	PT
Mekanikal	-	MK
Khidmat Pakar	-	KP
Perancang & Penilaian	-	PP
Hidrologi	-	H
Penyelidikan & Latihan	-	PL
Pentadbiran & Kewangan	-	PK

2. Singkatan

P	-	Projek Persekutuan
N	-	Projek Negeri
X	-	Bilangan Tender Bagi Tahun Berkenaan
YY	-	Tahun

3. Projek Persekutuan yang dilaksanakan di JPS Negeri dengan menggunakan peruntukan secara `reimbursable' hendaklah menggunakan kod `P'.

4. Bagi projek baru atau projek yang mana tidak tersenarai di atas, pihak tuan bolehlah menghubungi Bahagian Ukur Bahan Ibu Pejabat untuk menetapkan nama kod yang sesuai.

5. Bagi projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri atau Agensi lain yang mana kerja berkenaan tidak tertakluk di bawah mana-mana Bahagian yang di senaraikan di atas, kod yang sesuai bolehlah digunakan oleh pejabat berkenaan.

6. Contoh-contoh

- i) Contoh pemberian nombor tender/kontrak untuk Projek Persekutuan di Negeri Kedah bagi Projek Saliran yang pertama ditender dalam tahun 1994 adalah:
JPS/P/KD/S/1/94.
- ii) Contoh pemberian nombor tender/kontrak untuk Projek Pengairan Muda yang pertama ditender dalam tahun 1994 adalah:
JPS/RPM/P/1/94.
- iii) Projek yang dibiayai oleh Institusi Kewangan Antarabangsa seperti Bank Pembangunan Asia (ADB) atau Bank Dunia (WB), catatan (ADB) atau (WB) hendaklah dicatat selepas rujukan negeri/projek berkenaan, contohnya:
JPS/P/J/ADB/S/1/94.
- iv) Bagi projek yang melebihi satu fasa, rujukan mengenai fasa yang berkaitan hendaklah dicatatkan, contohnya nombor tender/kontrak bagi Projek Johor Barat Fasa II adalah:
JPS/RJB/WB/S/1/94(F2)